# PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020

## INSPIRASI KUALITI




**© Agensi Kelayakan Malaysia 2017**
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Agensi Kelayakan Malaysia.

“Recognised, Relevant & Referred”
“Visible, Vibrant & Valuable”
“Inspiring Quality”

# ISI KANDUNGAN

**INSPIRASI KUALITI** **7**

**PENDEKATAN PEMBANGUNAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020** **11**

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 12

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] 13

Proses Pembangunan Perancangan Strategik MQA 15

**PENGENALAN KEPADA MQA** **17**

Latar Belakang MQA 18

Visi, Misi & Objektif 19

Fungsi MQA 20

Carta Organisasi 21

Matlamat dan Nilai Teras 22

Pihak Berkepentingan dan Perkhidmatan MQA 23

**EKOSISTEM MQA** **25**

**TERAS STRATEGIK MQA** 37

**Teras Strategik 1** 39
**Ekosistem Kondusif**

**Objektif Strategik 1:** 41
Memperkasakan Sistem Jaminan Kualiti Kebangsaan Berteraskan MQF

**Objektif Strategik 2:** 43
Mempelbagaikan Sistem Pendidikan Fleksibel

**Objektif Strategik 3:** 45
Meningkatkan Kualiti, Profesionalisme dan Integriti Panel Penilai MQA

**Teras Strategik 2** 46
**Sistem Penyampaian Efektif**

**Objektif Strategik 4:** 48
Menambah Baik Proses Akreditasi dan Audit

**Objektif Strategik 5:** 50
Meningkatkan Penggunaan ICT

**Objektif Strategik 6:** 51
Memperkukuhkan Kompetensi, Profesionalisme dan Integriti Sumber Manusia

**Objektif Strategik 7:** 52
Menyediakan Infrastruktur yang Kondusif

**Objektif Strategik 8:** 53
Memperkukuh Kemampuan Kewangan

**Teras Strategik 3** 54
**Pengiktirafan Global**

**Objektif Strategik 9:** 56
Menjadi Pusat Rujukan Jaminan Kualiti di Peringkat Antarabangsa

**Objektif Strategik 10:** 58
Merealisasikan Kelestarian MQA di Peringkat Antarabangsa

**PELAN TINDAKAN** 61

**SINGKATAN** 77



# INSPIRASI KUALITI

Pendidikan tinggi hari ini telah melalui proses transformasi yang kompleks dan pelbagai dalam menghadapi cabaran perkembangan ekonomi global. Karakteristik telah jauh berubah dari acuan tradisional yang mana pelajar menadah ilmu secara bersemuka dengan guru yang dianggap autoriti tertinggi dalam disiplin ilmu tersebut. Kini, kaedah pembelajaran lebih bersifat terbuka dan fleksibel serta menekankan kerjasama dengan industri. Sebagai contoh, *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan *Work-Based Learning (WBL)* merupakan kaedah terbaik yang mencorakkan sistem penyampaian pembelajaran pada hari ini dan pada masa hadapan.

Tidak terhenti dalam bentuk penyampaian sahaja, tekanan dan permintaan ke atas graduan yang kompeten dan holistik, serta laluan pembelajaran yang fleksibel adalah isu yang memerlukan jawapan dari sebuah sistem pendidikan tinggi yang komprehensif dan responsif tanpa mengkompromi prinsip dan norma kualiti pendidikan.

Tidak kurang penting, ekonomi dunia sedang menuju ke era baru perindustrian yang bercirikan Revolusi Industri Keempat yang bakal mengubah alam pekerjaan dan akhirnya juga akan memberi kesan kepada bidang-bidang kelayakan pendidikan tinggi.

Inilah fenomena dan cabaran yang perlu dihadapi oleh MQA dalam menyokong pembangunan negara untuk menjadi sebuah negara maju yang progresif. Justeru, menjadi tanggungjawab MQA untuk membangunkan sistem kelayakan dan jaminan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan menyediakan ekosistem yang kondusif yang menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

**Dato' Prof. Dr. Rujhan Mustafa**
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

# 4 INSPIRASI KUALITI

## KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA 2.0 (MQF 2.0)

Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) yang menjadi asas utama sistem pendidikan tinggi negara perlu responsif terhadap perubahan dan cabaran semasa. MQF seharusnya bukan sahaja boleh dibandingkan (*comparable*) dengan kerangka kelayakan antarabangsa utama yang lain, tetapi juga berperanan sebagai pemangkin untuk menyediakan graduan menghadapi ledakan Revolusi Industri Keempat yang progresif. Semakan semula MQF atau MQF 2.0 akan memberi fokus kepada domain hasil pembelajaran, tahap-tahap kelayakan serta sektor kelayakan bagi tujuan mengarus perdana pendidikan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) di Malaysia melalui pengharmonian sektor TVET dan akademik.

## SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET

MQA juga bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, untuk mengarus perdana dan memastikan kelayakan TVET berkualiti tinggi, mencapai piawaian antarabangsa dan berfokus kepada kompetensi berasaskan pekerjaan (*occupational-based competencies*). Inisiatif ini dilaksanakan melalui semakan semula MQF dan pembangunan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang merangkumi Standard TVET dan proses kerja jaminan kualiti.

## JAMINAN KUALITI BERASASKAN STANDARD DAN PRESTASI (*STANDARD AND PERFORMANCE-BASED QUALITY ASSURANCE*)

Kerangka kelayakan dapat melaksanakan fungsinya pada tahap yang optimum dengan adanya sistem jaminan kualiti yang diyakini. Penilaian MQA selama ini adalah berdasarkan *standard-based* melalui pendekatan fasilitatif dan penambahbaikan kualiti (*quality enhancement*). Walau bagaimanapun, jaminan kualiti berasaskan standard yang dilaksanakan tidak dapat mencapai tujuan utamanya tanpa mengambil kira profil, rekod prestasi dan keupayaan PPT.

Justeru, MQA akan melaksanakan pendekatan berasaskan prestasi (*performance-based*) yang bertujuan mengenal pasti dan meminimumkan risiko kualiti program pengajian yang ditawarkan. Pendekatan ini termasuklah memprofilkan PPT berdasarkan rekod prestasi program yang sedang dijalankan dan program yang pernah dinilai oleh MQA. MQA juga memberi keutamaan kepada kemampanan kewangan PPT dalam menerima permohonan program yang dikemukakan. Pendekatan ini juga bertujuan menangani isu-isu asas kualiti yang sering dihadapi oleh PPT berulang kali.

## PEMBELAJARAN FLEKSIBEL

Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) merupakan salah satu usaha MQA untuk melaksanakan pendidikan fleksibel. APEL membolehkan individu menggunakan pengalaman bukan akademik untuk menyambung pengajian ke pendidikan tinggi melalui APEL(A), mendapat pindah kredit melalui APEL(C) dan memperoleh penganugerahan kelayakan akademik menerusi penilaian pengalaman terkumpul [APEL(Q)].

Perkembangan teknologi yang pesat telah mengubah landskap pendidikan tinggi hari ini yang memberi kesan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran. Salah satu perkembangan teknologi yang sangat memberi kesan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah fenomena pembelajaran dalam talian menerusi *Massive Open Online Courses* (MOOC). Melalui platform MOOC, pelajar dan pengajar dari seluruh pelosok dunia kini boleh saling berhubung dan berinteraksi membincangkan topik yang memenuhi keperluan dan minat mereka.

Walau bagaimanapun, fenomena MOOC yang menjadi *trend* dalam dunia pendidikan tinggi pada hari ini berhadapan dengan isu pengiktirafan. Dari satu sisi ia membuka peluang kepada sesiapa sahaja untuk menuntut ilmu. Pada masa yang sama, kekurangan mekanisme dan kerangka pengiktirafan MOOC mula didebatkan dalam perbincangan antarabangsa. Antara isu yang dibincangkan adalah isu integriti, kredibiliti dan ketulenan MOOC. Menyedari isu ini, MQA telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Garis Panduan Pindah Kredit MOOC.

# 01

# PENDEKATAN PEMBANGUNAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020

Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 merupakan kesinambungan daripada Perancangan Strategik MQA 2011-2015. Dokumen ini adalah garis panduan dan rujukan utama kepada warga MQA dalam merancang dan melaksanakan aktiviti bermula tahun 2016 sehingga 2020.

Pembangunan dokumen ini berpandukan kepada dua dokumen utama negara iaitu Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)]

# RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11) 2016-2020 : PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT

Tiga teras strategik utama RMKe-11 menjadi rujukan kepada MQA dalam merancang aktiviti / projek MQA bermula tahun 2016-2020. Tiga teras strategik yang dimaksudkan adalah:



**TERAS 1:**
**Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama terutama untuk golongan B40**

- Meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran dari 9% kepada 20%
- Berdasarkan kriteria kelayakan khas dan kuota kemasukan

**TERAS 3:**
**Meningkatkan modal insan untuk negara maju**

- Kualiti pendidikan akan disemak semula untuk membangunkan bakat yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran; etika dan moral untuk berjaya dalam persekitaran yang dinamik dan kompetitif.
- Memperkukuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik
- Membangunkan sistem akreditasi tunggal untuk digunakan oleh MQA &JPK
- Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran
- Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi
- Membangunkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

**TERAS 6:**
**Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran**

- Sektor ekonomi dinaiktarafkan kepada berintensif pengetahuan

# PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI) [PPPM (PT)]

MQA terlibat secara langsung dalam menyokong pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025 yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan projek-projek utama MQA yang menyokong 7 lonjakan PPPM (PT) 2015-2025.




Sumber grafik adalah daripada dokumen PPPM (PT) 2015-2025*

# PROJEK-PROJEK UTAMA MQA YANG MENYUMBANG KEPADA PPPM (PT) 2015-2025

| | INISIATIF | PROJEK |
|---|---|---|
| **LONJAKAN 3**<br>Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat | C2<br>Menghasilkan Rangka Kerja Jelas Untuk Mengiktiraf Pembelajaran Terdahulu | • Akses Kepada Pendidikan Tinggi Melalui APEL(A)<br>• Pelaksanaan APEL(C)<br>• Kajian Semula Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) |
| **LONJAKAN 4**<br>Graduan TVET Berkualiti | C1<br>Menyeragamkan Kelayakan TVET Negara | • Kajian Semula Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)<br>• Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET |
| **LONJAKAN 9**<br>Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global | C1<br>Membolehkan Pengiktirafan Rangka Kerja Pindahan Kredit | • Garis Panduan Pindah Kredit MOOC |
| **LONJAKAN 10**<br>Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi | B1<br>Pengharmonian Piawaian dan Peraturan untuk IPT Awam & Swasta | • Kajian Semula Kod Amalan Akreditasi Program *(Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) |
| | D1<br>Memantapkan Proses MQA dan Rangka Kerja Jaminan Kualiti | • Kajian Semula Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)<br>• *Performance-Based* QA<br>• Permohonan Akreditasi Sementara Berkala<br>• *MQA Online Programme Submission* |

# PROSES PEMBANGUNAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA

Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 dibangunkan secara inklusif dan komprehensif yang melibatkan beberapa siri bengkel dan perbincangan dalaman di peringkat kumpulan pengurusan dan profesional MQA. Pendekatan pembinaan dokumen ini adalah melalui pemetaan dokumen RMKe-11 dan PPPM (PT) 2015-2025. Perincian keseluruhan proses pembangunan dokumen Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 adalah seperti berikut:

FASA

| FASA | |
|---|---|
| 1 **Kajian Semula Perancangan Strategik MQA 2011-2015** | **(Januari-September 2015)**<br>Proses melihat semula Perancangan Strategik MQA 2011-2015 dilaksanakan untuk mengenal pasti ruang-ruang penambahbaikan melalui:<br>i. Bengkel Sasaran Kerja Tahunan dan Perancangan Strategik MQA Tahun 2015<br>ii. Siri-siri perbincangan dan mesyuarat dalaman<br>iii. Pemetaan dokumen RMKe-11 dan PPPM (PT) 2015-2025 |
| 2 **Penetapan Konsep Perancangan Strategik MQA Menuju 2020** | **(Oktober 2015-April 2016)**<br>Berdasarkan kajian semula Perancangan Strategik MQA 2011-2015, siri-siri perbincangan dan mesyuarat, pihak pengurusan atasan MQA telah bersetuju agar satu jawatankuasa Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 ditubuhkan. Berdasarkan hasil perbincangan dan pemetaan, maka dicadangkan agar konsep perancangan strategik beraspirasikan pertumbuhan berpaksikan rakyat dan menyokong 10 lonjakan utama PPPM (PT) 2015-2025. Selaras dengan penetapan konsep tersebut, maka telah dicadangkan 3 Teras Strategik yang akan memacu MQA melaksanakan peranannya sebagai badan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.<br><br>Jawatankuasa ini juga mengenal pasti bidang tujahan utama, teras strategik, objektif strategik, inisiatif-inisiatif dan projek/aktiviti bagi tempoh 2016-2020 sebagai misi MQA dalam mencapai visinya. |
| 3 **Sesi Interaksi dengan Pihak Berkepentingan** | **(Mei-Julai 2016)**<br>Bagi memastikan MQA kekal relevan dan sentiasa memenuhi kehendak pihak berkepentingan, maka pembinaan perancangan strategik ini turut mendapatkan maklum balas daripada pegawai MQA, PPT, industri, kementerian, pelajar dan orang awam. Inisiatif ini adalah melalui penyediaan ruang galeri draf Perancangan Strategik, maklum balas di portal MQA dan aplikasi media sosial.<br><br>Hasil maklum balas pihak berkepentingan telah diambil kira dalam penambahbaikan draf dokumen perancangan strategik dan kemudiannya dibentangkan di Majlis MQA. |
| 4 **Pemurnian, Penulisan dan Pemuktamadan Dokumen** | **(Ogos 2016-Mei 2017)**<br>Pemurnian draf dokumen perancangan strategik adalah berdasarkan cadangan semasa pembentangan di Majlis MQA. Antara cadangan ahli majlis adalah melihat semula visi dan misi MQA dengan mendapatkan konsultansi pakar melalui Bengkel Perancangan Strategik kali kedua.<br><br>Hasil bengkel kedua, draf perancangan strategik dikemas kini dari segi penulisan bagi tujuan penerbitan dokumen. |

# PROSES PENYEDIAAN
## PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020

# 1

**JANUARI 2015**

Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Perancangan Strategik MQA

**FEBRUARI - JUN 2015**

Beberapa siri mesyuarat dan sesi *brainstorming* dalaman

**OGOS - SEPTEMBER 2015**

Pemetaan Perancangan Strategik MQA dengan PPPM (PT) 2015-2025 dan RMKe-11

# 2

**OKTOBER 2015**

Penubuhan jawatankuasa untuk pembangunan Perancangan Strategik MQA Menuju 2020

**DISEMBER 2015**

Pembentangan draf awal Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 kepada Pengurusan Atasan MQA

**FEBRUARI 2016**

Pembentangan kepada Pengurusan Atasan MQA

**APRIL 2016**

Bengkel bersama Pengurusan Atasan MQA

# 3

**JUN 2016**

- Sesi Interaksi dengan pihak berkepentingan
  - Galeri Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 (221 maklum balas)
  - Paparan di laman web MQA (67 maklum balas diterima daripada 65 PPT) (15 maklum balas melalui aplikasi *Whatsapp*)
- Pembentangan di Pra-Majlis MQA

**JULAI 2016**

Pembentangan di Majlis MQA

**OKTOBER 2016**

Bengkel Perancangan Strategik Bil. 2/2016

# 4

**JANUARI - MEI 2017**

Pemurnian, penulisan dan pemuktamadan dokumen Perancangan Strategik MQA Menuju 2020

02

# PENGENALAN KEPADA MQA

# LATAR BELAKANG MQA

Jaminan kualiti di Malaysia bermula dengan penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) pada tahun 1997. Ia berfungsi bagi memastikan program yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS) adalah berkualiti.

Peranan ini diperluaskan dengan penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) pada 1 November 2007 di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). MQA diberi mandat oleh kerajaan Malaysia untuk melaksanakan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara bagi sektor awam dan swasta.

Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.



## VISI

Menjadi agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi

## MISI

Memperkasa sistem kelayakan kebangsaan dan jaminan kualiti yang diiktiraf serta menjadi rujukan utama di peringkat antarabangsa

## OBJEKTIF

**01** Memperkukuhkan Ekosistem Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi yang Harmoni, Efisien dan Telus

**02** Membudayakan Sistem Penyampaian yang Efektif

**03** Menyediakan Landasan Graduan Holistik dan Memenuhi Keperluan Pasaran Kerjaya

**04** Menerajui Pendidikan Fleksibel Berkualiti dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

**05** Memperluas Pengiktirafan Global

# FUNGSI MQA

Sebagai badan jaminan kualiti, MQA berfungsi seperti berikut:

- **Melaksanakan MQF sebagai titik rujukan kelayakan Malaysia**
- **Membangunkan kriteria dan standard sebagai rujukan kebangsaan bagi penganugerahan kelayakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan**
- **Menjamin kualiti institusi-institusi pengajian tinggi dan program-program**
- **Memberi perakuan akreditasi kepada program-program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan**
- **Memudah cara pengiktirafan dan penyetaraan kelayakan**
- **Mengendalikan Daftar Kelayakan Malaysia *(Malaysian Qualifications Register,* MQR)**

# CARTA ORGANISASI



# MATLAMAT DAN NILAI TERAS

## Matlamat Teras

- Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
- Membangunkan Standard
- Mengakredit Program
- Menyelenggara Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)

## Nilai Teras

- Kebolehpercayaan
- Profesionalisme
- Kerjasama
- Kesepunyaan
- Responsif dan Dinamik (Inovatif)

# PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PERKHIDMATAN MQA

| PIHAK BERKEPENTINGAN | KEPERLUAN |
|---|---|
| **Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)** | Proses Jaminan Kualiti yang memenuhi tempoh piagam yang ditetapkan |
| **Kementerian dan agensi yang berkaitan** | 1. Status program atau kelayakan<br>2. Dasar dan proses kerja MQA |
| **Pelajar, ibu bapa, majikan dan industri** | 1. Maklumat program atau kelayakan<br>2. Program berkualiti *(value for money)* dan memenuhi keperluan industri<br>3. Kebolehpasaran graduan |
| **Badan jaminan kualiti luar negara** | 1. Maklumat kesetaraan program atau kelayakan<br>2. Dokumen jaminan kualiti |
| **Agensi pembiayaan pendidikan** | Status program dan kelayakan masuk |
| **Badan profesional** | Jalinan kerjasama melalui pembentukan *Joint Technical Committee* (JTC) dan keselarasan proses jaminan kualiti |

# Perkhidmatan MQA

01 Program berkualiti

02 myMQR

03 Sijil Akreditasi

04 Akreditasi Program Profesional

05 Kelayakan Yang Diakredit

06 Pendidikan Fleksibel

07 Pembangunan Kepakaran

08 Jalinan dan Kerjasama

09 Latihan dan Khidmat Rundingan

10 Nilai Taraf Kelayakan

11 Dokumen Jaminan Kualiti

03

# EKOSISTEM MQA




Maklumat sehingga tahun 2017*

# KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (*MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK*, MQF)

Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) telah berkuat kuasa sejak 2007 sebagai titik rujukan kelayakan kebangsaan. Ia berperanan sebagai penanda aras kualiti kelayakan negara di peringkat antarabangsa dan telah menjadi medium yang berkesan dalam proses *comparability exercise* dengan kerangka kelayakan antarabangsa lain. Setelah sedekad MQF dilaksanakan, kini ia disemak semula selaras dengan pembangunan terkini dalam pendidikan tinggi dengan fokus menyediakan graduan menghadapi Revolusi Industri Keempat. Semakan semula ini bertujuan untuk menyelaraskan MQF dengan kerangka kelayakan antarabangsa dan serantau. Menyedari kepentingan TVET dalam pendidikan tinggi dan alam pekerjaan, maka semakan semula MQF akan menggabungkan sektor kemahiran dan sektor teknikal menjadi sektor teknikal dan vokasional (TVET).

# PERBANDINGAN NEGARA DALAM JAMINAN KUALITI DAN PENGIKTIRAFAN

| | Overall Score | Openness | Quality Assurance & Recognition | Access & Sustainability |
|---|---|---|---|---|
| Malaysia | Very High | Very High | Very High | Very High |
| Germany | Very High | Very High | Very High | Very High |
| Australia | Low | High | Very High | High |
| China | High | Very High | Low | Very High |
| Indonesia | High | High | Low | Very High |
| Thailand | High | High | Low | Very High |
| United Kingdom | Very High | Very High | Very High | High |
| United States | High | High | Low | High |
| Vietnam | High | High | High | High |

*Survey Shape of Global Higher Education: National Policies Framework for International Engagement* oleh British Council pada tahun 2016 telah meletakkan Malaysia sebagai badan jaminan kualiti terbaik dalam pembentukan polisi pengiktirafan dan jaminan kualiti mendahului German, Australia dan United Kingdom.

# MENINGKATKAN AKSES DAN PENYEBARAN MAKLUMAT MELALUI TEKNOLOGI

Antara usaha untuk meningkatkan akses dan penyebaran maklumat, MQA telah menyenaraikan program-program yang telah diakredit dan maklumat berhubung pengiktirafan Kerajaan di dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR). Dengan perkembangan teknologi yang pesat, MQA memperkenalkan aplikasi myMQR untuk meningkatkan akses terhadap maklumat.

Selain itu, MQA juga menyediakan senarai maklumat Akreditasi Sementara yang boleh diakses di portal MQA.

# PUSAT LATIHAN JAMINAN KUALITI MALAYSIA (MQATC)

Dengan pengalaman melebihi dua dekad dalam bidang jaminan kualiti, MQA bersedia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan badan jaminan kualiti serantau. Kesungguhan MQA ini direalisasikan dengan tertubuhnya Pusat Latihan Jaminan Kualiti Malaysia (MQATC) pada tahun 2013. MQATC bukan sahaja melatih panel penilai serta pensyarah / pegawai institusi pendidikan tinggi agar kualiti program pengajian tinggi di Malaysia dapat dipertingkatkan, malah memainkan peranan aktif dalam berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan badan-badan jaminan kualiti luar negara. Program *internship* yang dianjurkan setiap tahun telah banyak memberi manfaat kepada pegawai jaminan kualiti luar negara khususnya kepada negara yang baru terlibat untuk membangunkan sistem jaminan kualiti masing-masing. Dengan kepakaran dan pengalaman hampir 20 tahun dalam bidang jaminan kualiti, MQA bersedia untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam program pembangunan kapasiti termasuklah perkhidmatan konsultansi kepada negara yang berminat.

# SWAAKREDITASI

Selaras dengan sistem jaminan kualiti berasaskan prestasi yang diketuai oleh MQA, universiti yang mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman dan rekod yang mantap adalah dijemput untuk melalui penilaian bagi penganugerahan status Swaakreditasi. Kini, 19 PPT telah dianugerahkan dengan status swa yang membolehkan institusi ini mengakredit program mereka sendiri.

# PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL (*TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING*, TVET)

Selaras dengan hasrat yang dinyatakan di dalam RMKe-11 dan PPPM (PT) 2015-2025 untuk mentransformasikan TVET bagi memenuhi permintaan industri, maka MQA telah mengambil inisiatif dengan mengetuai pembentukan sistem jaminan kualiti tunggal TVET Malaysia. Usaha merealisasikan penubuhan sistem jaminan kualiti yang harmoni diteruskan dengan pembangunan standard TVET dengan matlamat untuk mengarusperdanakan pendidikan TVET negara agar setanding di peringkat antarabangsa.

# BADAN PENERAJU UTAMA JAMINAN KUALITI DI ASIA TENGGARA

INQAAHE
INTERNATIONAL NETWORK FOR QUALITY ASSURANCE AGENCIES IN HIGHER EDUCATION

MQA adalah badan jaminan kualiti pertama di Asia Tenggara yang mana amalan dan polisinya diiktiraf selari dengan *INQAAHE Guidelines of Good Practice*. INQAAHE adalah satu jaringan antarabangsa yang dianggotai oleh 300 organisasi yang berkaitan dengan jaminan kualiti. Pengiktirafan yang diberikan oleh INQAAHE ini membuktikan bahawa MQA komited dalam mengekalkan standard jaminan kualiti pendidikan tinggi yang terbaik di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

# MENGETUAI *ASEAN YOUNG QUALITY ASSURANCE OFFICER'S NETWORK* (AYQON)

AYQON
ASEAN Young Quality Assurance Officers Network

AYQON merupakan satu jaringan antarabangsa yang dianggotai oleh pegawai-pegawai muda dari badan jaminan kualiti di rantau ASEAN. Jaringan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan baik di antara negara-negara anggota, meningkatkan kerjasama strategik dan mengasah bakat pegawai-pegawai muda dalam berkolaborasi di peringkat antarabangsa. Berikutan kejayaan MQA di peringkat antarabangsa melalui jaringan *ASEAN Quality Assurance Network* (AQAN), MQA telah dipilih untuk menjadi peneraju pertama AYQON.

# KEANGGOTAAN ANTARABANGSA

AQAN
ASEAN Quality Assurance Network

AQAN adalah entiti gabungan badan-badan jaminan kualiti di rantau ASEAN yang kini sekretariatnya berpusat di MQA. AQAN bertujuan untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat antara negara-negara anggota terutamanya berkenaan dasar dan amalan baik jaminan kualiti. MQA adalah di antara pengasas jaringan ini dan merupakan Presiden pertama AQAN, iaitu dari tahun 2008 hingga 2014. MQA kini adalah Setiausaha Eksekutif dan Sekretariat Tetap AQAN.

IQA
Association of Quality Assurance Agencies of the Islamic World

IQA adalah jaringan antarabangsa yang terdiri daripada badan-badan jaminan kualiti negara-negara Islam, yang mana berkolaborasi untuk memperkasakan sistem jaminan kualiti serantau, melalui perkongsian kepakaran dan amalan baik dalam bidang jaminan kualiti pendidikan tinggi. MQA adalah di antara pengasas IQA dan merupakan Presiden pertama IQA, iaitu dari tahun 2008 hingga 2013. MQA kini adalah ahli lembaga IQA.

MQA juga adalah ahli aktif bagi:

apqn
ASIA-PACIFIC QUALITY NETWORK

INQAAHE
INTERNATIONAL NETWORK FOR QUALITY ASSURANCE AGENCIES IN HIGHER EDUCATION

# JARINGAN KERJASAMA GLOBAL MQA

Selaras dengan peredaran semasa di mana perkongsian pengalaman dan kepakaran menjadi platform memperkasakan jaminan kualiti pendidikan tinggi, MQA turut mengorak langkah dengan menjalankan kerjasama strategik secara formal dengan badan-badan jaminan kualiti antarabangsa. Kerjasama seumpamanya adalah penting bagi mempertingkatkan sistem jaminan kualiti sedia ada agar selari dengan amalan baik peringkat antarabangsa dan diiktiraf dunia.





APQN
CN
CDGDC
JP
ABEST21
JUAA
NIAD-QE
HK
HKCAAVQ
TW
HEEACT
TH
AQAN
AYQON
NAAC
IN
ONESQA
PH
AACCUP
MY
IN
NAAHE
AU
TEQSA
NZ
NZQA

# PERJANJIAN ANTARABANGSA *(INTERNATIONAL AGREEMENTS)*

1. *Namibia Qualifications Authority (NQA), Namibia*
2. *Office for National Education Standards and Quality Assessment (ONESQA), Thailand*
3. *National Institution for Academic Degrees and Quality Enhancement of Higher Education (NIAD-QE), Japan*
4. *New Zealand Qualifications Authority (NZQA), New Zealand*
5. *National Accreditation Agency for Higher Education (NAAHE), Indonesia*
6. *Hong Kong Council for Accreditation of Academic and Vocational Qualifications (HKCAAVQ), Hong Kong*
7. *National Assessment and Accreditation Council (NAAC), India*
8. *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan (HEEACT), Taiwan*
9. *Accrediting Agency of Chartered Colleges Universities in the Philippines (AACCUP), Philippines*
10. *Quality Assurance Agency for Higher Education (QAA), United Kingdom*
11. *Japan University Accreditation Association (JUAA), Japan*
12. *China Academic Degrees and Graduate Education Development Center (CDGDC), China*
13. *Tertiary Education Quality and Standards Agency (TEQSA), Australia*
14. *Knowledge and Human Development Authority (KHDA), Dubai*
15. *South African Qualifications Authority (SAQA), South Africa*
16. *National Authority for Qualifications and Quality Assurance of Education and Training (QQA), Bahrain*
17. *The Alliance on Business Education and Scholarship for Tomorrow (ABEST21)*
18. *Quality and Qualifications Ireland (QQI), Ireland*
19. *Association of Indian Universities (AIU), India*

# KERJASAMA ANTABANGSA *(INTERNATIONAL COLLABORATIVE WORK)*

1. *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan, Taiwan*
2. *New Zealand Qualifications Authority, New Zealand*
3. *Government of the People's Republic of China, China*

# KEANGGOTAAN ANTARABANGSA *(INTERNATIONAL MEMBERSHIP)*

| BIL | JARINGAN *(NETWORK)* | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1 | *ASEAN Quality Assurance Network (AQAN)* | *President* |
| | | *Secretary* |
| | | *Secretariat* |
| 2 | *Association of Quality Assurance Agencies of the Islamic World (IQA)* | *President* |
| | | *Secretary* |
| | | *Secretariat* |
| | | *Executive Board* |
| | | *Advisor* |
| 3 | *Asia-Pacific Quality Network (APQN)* | *Full Member* |
| | | *Board Member* |
| 4 | *International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education (INQAAHE)* | *Full Member* |
| 5 | *ASEAN Young Quality Assurance Officers Network (AYQON)* | *Interim President* |
| | | *Interim Secretary* |
| | | *Interim Secretariat* |

# PROJEK ANTARABANGSA *(INTERNATIONAL PROJECTS)*

| BIL | PROJEK | JAWATAN | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 1 | *ASEAN Quality Assurance Framework (AQAF)* | *Chairman of the Task Force* | 2011-*to date* |
| 2 | *ASEAN Qualifications Reference Framework (AQRF)* | *Task Force Member* | 2012-2015 |
| 3 | *DIES ASEAN-QA Training Workshop* | *Expert* | 2011-*to date* |
| 4 | *ASEM Recognition Bridging Declaration* | *Task Force Member* | 2015-*to date* |
| 5 | *ASEM Interregional Credit Transfer Mechanism and Learning Outcome Systems* | *Expert* | *To date* |
| 6 | *ASEM Seoul Declaration* | *Task Force Member* | 2016-*to date* |
| 7 | *ASEM MOOC's Program* | *Task Force Member* | 2016-*to date* |
| 8 | *EU-SHARE Projects* | *Expert* | 2015-*to date* |
| 9 | *UNESCO Quality Assurance of TVET Qualifications in Asia-Pacific* | *Expert* | *To date* |
| 10 | *UNESCO Global Convention on Recognition of Higher Education Qualifications* | *Expert* | 2016-*to date* |

# PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA *(INTERNATIONAL RECOGNITION)*

| BIL | PENGIKTIRAFAN | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | *International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education (INQAAHE)* | *INQAAHE has acknowledged and recognized MQA as an agency fully aligned with the INQAAHE Guideline to Good Practices (GGP).*<br>*This recognition was awarded on 26 September 2014 for a period of 5 years.* |

04

# TERAS STRATEGIK MQA

Tiga teras strategik telah digariskan sebagai tunjang utama dalam misi MQA dengan mengambil kira input daripada analisis persekitaran dan pengenalpastian risiko dan peluang merealisasikan visinya untuk menjadi sebuah agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi menjelang tahun 2020.

## TERAS STRATEGIK 1

### EKOSISTEM KONDUSIF

- **OS.1** Memperkasakan Sistem Jaminan Kualiti Berteraskan MQF
- **OS.2** Mempelbagaikan Sistem Pendidikan Fleksibel
- **OS.3** Meningkatkan Kualiti, Profesionalisme dan Integriti Panel Penilai MQA

## TERAS STRATEGIK 2

### PENYAMPAIAN EFEKTIF

- **OS.4** Menambah Baik Proses Akreditasi dan Audit
- **OS.5** Meningkatkan Penggunaan ICT
- **OS.6** Memperkukuhkan Kompetensi, Profesionalisme dan Integriti Sumber Manusia
- **OS.7** Meyediakan Infrastruktur yang Kondusif
- **OS.8** Memperkukuh Kemampuan Kewangan

## TERAS STRATEGIK 3

### PENGIKTIRAFAN GLOBAL

- **OS.9** Menjadi Pusat Rujukan Jaminan Kualiti
- **OS.10** Merealisasikan Kelestarian MQA Pada Peringkat Antarabangsa

# TERAS STRATEGIK 1

## EKOSISTEM KONDUSIF

MQA menambah baik peranan utamanya selaku badan jaminan kualiti negara dengan berteraskan tiga objektif strategik utama melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti. Langkah ini adalah selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi yang berprestasi tinggi dan inovatif dalam memenuhi hasrat RMKe-11 dan PPPM (PT) 2015-2025. Secara khususnya, pelaksanaan teras strategik ini adalah untuk:

1. Memperkasakan Sistem Jaminan Kualiti Kebangsaan Berteraskan MQF;
2. Mempelbagaikan Sistem Pendidikan Fleksibel; dan
3. Meningkatkan Kualiti, Profesionalisme dan Integriti Panel Penilai MQA.

Melalui teras strategik ini, MQA menambah baik sistem jaminan kualiti sedia ada dengan memperkasakan MQF. Selain itu, MQA mengubah pendekatan jaminan kualiti sedia ada iaitu `*one size fits all*' yang didapati kurang sesuai untuk memenuhi kepelbagaian kategori PPT kepada pelaksanaan jaminan kualiti berasaskan prestasi (*Performance-Based QA*). MQA juga menyediakan pelbagai platform dalam menyokong sistem pendidikan yang lebih fleksibel melalui pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu dan meluaskan akses pendidikan tinggi. Sebagai usaha memastikan teras strategik ini dilaksanakan dengan berkesan, MQA juga menekankan kepentingan profesionalisme dan integriti Ahli Panel Penilai (APP).

Kesimpulannya, pelaksanaan inisiatif-inisitiaf yang dirancang dapat membentuk ekosistem jaminan kualiti yang kondusif.

| OBJEKTIF STRATEGIK | INISIATIF |
|---|---|
| OS.1 Memperkasakan Sistem Jaminan Kualiti Kebangsaan Berteraskan MQF | 1. Memperkasakan MQF |
| | 2. Mengharmonikan sistem jaminan kualiti |
| | 3. Menambah baik dan membangunkan standard program |
| | 4. Memperkasakan sistem jaminan kualiti dalaman PPT |
| | 5. Melaksanakan jaminan kualiti berasaskan prestasi (*Performance-Based* QA) |
| | 6. Menerajui penyelidikan dalam jaminan kualiti pendidikan tinggi |
| OS.2 Mempelbagaikan Sistem Pendidikan Fleksibel | 1. Memperkasakan proses pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu |
| | 2. Menyediakan platform pendidikan fleksibel |
| OS.3 Meningkatkan Kualiti, Profesionalisme dan Integriti Panel Penilai MQA | 1. Menambah baik urusan lantikan, tugasan dan prestasi APP MQA dengan lebih efisien |
| | 2. Memperkukuh program pembangunan profesional berterusan APP MQA |

# OS.1 MEMPERKASAKAN SISTEM JAMINAN KUALITI KEBANGSAAN BERTERASKAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF)

## INISIATIF

### 1 MEMPERKASAKAN MQF

Pendidikan tinggi hari ini telah melalui proses transformasi yang kompleks dan pelbagai bagi menghadapi perkembangan ekonomi global. Keperluan kepada graduan yang bersedia memasuki alam pekerjaan yang kompeten dengan karakteristik yang holistik, serta laluan kelayakan yang fleksibel menjadi daya tarikan utama. Untuk Malaysia mendepani cabaran ini dengan jayanya, kerangka kelayakan yang menjadi asas utama sistem pendidikan tinggi negara perlu responsif terhadap perubahan dan cabaran semasa. MQF seharusnya bukan sahaja boleh dibandingkan (*comparable*) dengan kerangka kelayakan antarabangsa utama yang lain, tetapi juga berperanan sebagai pemangkin untuk menyediakan graduan menghadapi ledakan Revolusi Industri Keempat. Semakan semula MQF atau MQF 2.0 akan memberi fokus kepada domain hasil pembelajaran, tahap-tahap kelayakan serta sektor kelayakan bagi tujuan mengarusperdanakan pendidikan *Technical Vocational Education and Training* (TVET) di Malaysia melalui pengharmonian sektor TVET dan akademik.

### 2 MENGHARMONIKAN SISTEM JAMINAN KUALITI

Malaysia dalam RMKe-11 telah menggariskan agenda penting mengarusperdanakan sektor pendidikan TVET. MQA bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia (JPK, KSM) untuk memastikan kelayakan TVET yang ditawarkan berkualiti tinggi, memenuhi piawaian antarabangsa dan berfokus kepada kompetensi berasaskan pekerjaan (*occupational-based competencies*).

Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui semakan semula MQF dan juga pembangunan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang merangkumi Standard TVET dan proses kerja jaminan kualiti.

## 3 MENAMBAH BAIK DAN MEMBANGUNKAN STANDARD PROGRAM

MQA dipertanggungjawabkan untuk mengakredit program, kelayakan dan pemberi pendidikan tinggi (PPT). Pelaksanaan fungsi ini berpandukan kepada dokumen jaminan kualiti yang merangkumi kod amalan jaminan kualiti, standard program, standard dan garis panduan amalan baik. Standard dihasilkan bagi membantu PPT menawarkan program yang boleh melahirkan graduan yang berkualiti, selaras dengan hasil pembelajaran yang dinyatakan dalam MQF serta memenuhi keperluan industri. Bagi memastikan semua hasrat tersebut tercapai, penglibatan pihak berkepentingan seperti PPT, penggubal dasar, pakar akademik, pengamal industri dan pelajar amat dititikberatkan dalam proses pembangunan standard.

## 4 MEMPERKASAKAN SISTEM JAMINAN KUALITI DALAMAN PPT

Sistem jaminan kualiti dalaman yang mantap amat penting dalam menyokong pembentukan budaya kualiti sesebuah PPT. Kelestarian budaya kualiti dalaman PPT berpandukan kepada kefahaman pegawai dan staf akademiknya dalam mendukung prinsip dan amalan baik jaminan kualiti pendidikan tinggi. Inisiatif ini dirangka untuk memastikan pegawai jaminan kualiti serta staf akademik PPT yang terlibat dalam proses pembangunan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pelajar memahami standard, dasar serta keperluan jaminan kualiti MQA melalui program-program pembangunan kapasiti yang terancang.

## 5 MELAKSANAKAN JAMINAN KUALITI BERASASKAN PRESTASI

Pendekatan MQA selama ini adalah berbentuk pemudah cara (*facilitative*) dan penambahbaikan kualiti (*quality enhancement*) serta `*one size fits all*' atas semangat tidak mahu membezakan PPT yang dinilai. Bagaimanapun, *standard-based* jaminan kualiti yang dilaksanakan tidak mungkin akan mencapai tujuan utamanya tanpa mengambil kira profil, rekod prestasi dan keupayaan PPT.

MQA akan melaksanakan pendekatan berasaskan prestasi (*performance-based*) bertujuan untuk mengenal pasti dan meminimumkan risiko kualiti program pengajian yang ditawarkan. Pendekatan ini termasuklah memprofilkan PPT berdasarkan rekod prestasi program yang sedang dijalankan dan program yang pernah dinilai oleh MQA. MQA juga memberi keutamaan kepada kemampanan kewangan (*financial sustainability)* PPT dalam menerima permohonan program yang dikemukakan. Pendekatan ini juga bertujuan menangani isu-isu asas kualiti yang dilakukan berulang kali oleh PPT.

6 **MENERAJUI PENYELIDIKAN DALAM JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI**

Bidang penyelidikan djaminan kualiti akan diberi penekanan yang serius supaya ia dapat memacu MQA dalam memformulasi polisi dan standard jaminan kualiti berasaskan dapatan empirikal. Inisiatif ini juga akan membudayakan penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi di MQA agar hasilnya dapat memberi impak dan manfaat kepada industri pendidikan tinggi negara dan pihak berkepentingan. Hasil penyelidikan akan dijadikan asas oleh MQA dalam penggubalan dasar, pembangunan garis panduan dan standard jaminan kualiti.

# OS.2

# MEMPELBAGAIKAN SISTEM PENDIDIKAN FLEKSIBEL

## INISIATIF

1 **MEMPERKASAKAN PROSES PENGIKTIRAFAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN TERDAHULU**

Pengakreditan Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) merupakan salah satu usaha MQA untuk melaksanakan pendidikan fleksibel. APEL membolehkan individu yang mempunyai pengalaman bukan akademik untuk menyambung pengajian ke pendidikan tinggi [APEL(A)], pindah kredit [APEL(C)] dan penganugerahan kelayakan akademik menerusi penilaian pengalaman terkumpul [APEL(Q)].

Inisiatif ini bermula melalui Perancangan Strategik MQA 2011-2015 dengan pelaksanaan APEL(A). Usaha ini kemudiannya diteruskan dengan pelaksanaan APEL(C) dan perancangan APEL(Q) bagi memperkasakan lagi pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu.

## 2 MENYEDIAKAN PLATFORM PENDIDIKAN FLEKSIBEL

Pendidikan fleksibel mengiktiraf pembelajaran secara bersemuka (*face to face*) dan pada masa yang sama meraikan pendekatan pembelajaran atas talian dan pengalaman yang dimiliki seseorang individu yang dikumpul sepanjang hayat (APEL).

Dalam usaha mempelbagaikan pendidikan fleksibel, MQA telah meneroka peluang-peluang baru seperti penawaran *Work-Based Learning* (WBL), kelayakan nano dan pelaksanaan sistem bank kredit.

**Garis Panduan Amalan Baik: *Work-Based Learning***

Garis panduan ini direka bentuk sebagai panduan terhadap pelaksanaan program yang berteraskan industri. Kaedah pelaksanaan ini membawa perspektif baharu kepada pelajar dengan memperuntukkan lebih masa pembelajaran di industri.

**Kelayakan Nano**

Kelayakan yang diperoleh menerusi pengumpulan kursus-kursus yang diambil secara berasingan.

**Sistem Bank Kredit**

Hasrat pelaksanaan bank kredit di Malaysia adalah secara *institutional-based* iaitu diuruskan oleh PPT dan dipantau oleh MQA dan KPT. Melalui pembangunan bank kredit, sistem penyimpanan kredit pengajian di PPT dapat diwujudkan. Pelaksanaan bank kredit secara tidak langsung akan menyokong penawaran kelayakan nano.

# OS.3

# MENINGKATKAN KUALITI, PROFESIONALISME DAN INTEGRITI PANEL PENILAI MQA

## INISIATIF

1. **MENAMBAH BAIK URUSAN LANTIKAN, TUGASAN DAN PRESTASI AHLI PANEL PENILAI (APP) MQA DENGAN LEBIH EFISIEN**
   Melalui inisiatif ini, penilaian prestasi APP ditambah baik dengan pelaksanaan proses pemeringkatan APP yang dibahagikan kepada 4 kategori iaitu penilai bertauliah, penilai utama, penilai kanan dan penilai (*certified assessor, lead assessor, senior assessor dan assessor*). Berdasarkan pemeringkatan ini, kualiti tugasan penilaian program dijangka akan dipertingkatkan di samping mewujudkan persaingan positif di kalangan APP.

2. **MEMPERKUKUH PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN APP MQA**
   Menyedari akan kepentingan peranan APP, MQA dari semasa ke semasa menyediakan modul pembangunan kompetensi yang komprehensif untuk meningkatkan profesionalisme APP. Melalui inisiatif ini, latihan dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus mengikut kesesuaian kategori pemeringkatan dan pengalaman APP.

3. **MENINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP INTEGRITI DALAM KALANGAN APP**
   Satu tumpuan khusus wajar diberikan kepada aspek integriti APP dalam melaksanakan penilaian. Melalui inisiatif ini, program-program yang memfokuskan kepada peningkatan integriti APP akan dilaksanakan. Langkah ini dijangka akan meningkatkan tahap reliabiliti penilaian APP MQA .



# TERAS STRATEGIK 2

## PENYAMPAIAN YANG EFEKTIF

Sistem penyampaian yang efektif, efisien, telus dan optimum merupakan tunjang kepada kelancaran proses jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh MQA. Untuk melaksanakan strategi yang digariskan, elemen kepercayaan (*trust*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) yang tinggi terhadap proses yang dilaksanakan oleh MQA adalah penting. PPPM (PT) 2015-2025 menyatakan bahawa KPT komited untuk bekerjasama dengan MQA untuk terus memperkukuh proses jaminan kualiti, akreditasi dan audit yang dilaksanakan oleh MQA. MQA menyambut baik hasrat ini dan akan terus berusaha memperkasakan sistem penyampaian MQA yang meliputi:

1. Menambah Baik Proses Akreditasi dan Audit;
2. Meningkatkan Penggunaan ICT;
3. Memperkukuhkan Komptensi, Profesionalisme dan Integriti Sumber Manusia;
4. Menyediakan Infrastruktur yang Kondusif; dan
5. Memperkukuh Kemampuan Kewangan.

Teras strategik ini menumpukan kepada penambahbaikan proses dan prosedur jaminan kualiti MQA sedia ada berdasarkan kemampuan dan kepakaran dalaman MQA yang meliputi *software* dan *hardware* MQA.

| | OBJEKTIF STRATEGIK | INISIATIF |
|---|---|---|
| OS.4 | Menambah Baik Proses Akreditasi dan Audit | 1. Merekayasa proses akreditasi & audit |
| | | 2. Memperkukuhkan pelaksanaan audit institusi, audit bertema dan penilaian pematuhan |
| | | 3. Menambah baik kelancaran penilaian program-program profesional |
| | | 4. Meningkatkan penguatkuasaan |
| OS.5 | Meningkatkan Penggunaan ICT | 1. Meningkatkan keberkesanan proses kerja melalui pembangunan sistem atas talian |
| | | 2. Mempelbagaikan saluran penyampaian perkhidmatan dan maklumat |
| | | 3. Memantapkan infostruktur dan infrastruktur ICT |
| OS.6 | Memperkukuhkan Kompetensi, Profesionalisme dan Integriti Sumber Manusia | 1. Memperkukuhkan pelaksanaan program pembangunan modal insan warga MQA |
| | | 2. Memperkukuh tadbir urus dan integriti |
| OS.7 | Menyediakan Infrastruktur yang Kondusif | 1. Mengeratkan semangat *esprit de corp (soft)* |
| | | 2. Menyediakan ruang kerja dan kemudahan yang kondusif *(hard)* |
| OS.8 | Memperkukuh Kemampuan Kewangan | 1. Mempelbagaikan punca pendapatan |
| | | 2. Melaksanakan penjimatan |

# OS.4 MENAMBAH BAIK PROSES AKREDITASI DAN AUDIT

## INISIATIF

### 1 MEREKAYASA PROSES AKREDITASI DAN AUDIT

Sistem akreditasi MQA akan bertunjangkan *standard-based* dan *performance-based*. Pematuhan kepada MQF dan standard yang ditetapkan adalah penting untuk memastikan program pengajian yang ditawarkan adalah berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Tahap kepatuhan ini akan diukur menerusi penggredan keputusan akreditasi. Penggredan akreditasi ini akan menyumbang kepada profil pencapaian PPT yang bakal dibangunkan kelak. MQA juga akan menambah baik permohonan akreditasi sementara sedia ada dengan melaksanakan permohonan secara berkala. Pelaksanaan ini dijangka dapat meningkatkan prestasi dan mengoptimumkan sumber agar proses penilaian lebih efektif dan terancang. Ia juga akan membantu PPT membuat perancangan dengan lebih teratur.

Bagi membudayakan penambahbaikan kualiti berterusan di PPT, MQA melaksanakan proses pemantauan bagi program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Ini penting bagi memastikan standard dan syarat-syarat akreditasi telah dipatuhi dalam jangka masa yang ditetapkan. Audit ini bakal dilaksanakan melalui audit verifikasi berdasarkan bidang, fakulti dan institusi.

### 2 MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN AUDIT INSTITUSI, AUDIT BERTEMA DAN PENILAIAN PEMATUHAN

Mekanisme audit diperkukuh dengan memastikan sistem kualiti dalaman PPT lebih efisien. Dalam melaksanakan peranan ini, MQA telah menjalankan pelbagai kaedah audit ke atas PPT iaitu audit institusi, bertema dan pematuhan. Mekanisme yang diguna pakai memberi penekanan kepada pemantauan, semak semula dan penambahbaikan secara berfasa dan berterusan dengan variasi fokus audit yang bersesuaian.

## 3 MENAMBAH BAIK KELANCARAN PENILAIAN PROGRAM-PROGRAM PROFESIONAL

Selaras dengan peruntukan Akta MQA, proses penilaian program-program profesional ditambah baik dengan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee*, JTC) oleh badan profesional. Ini bagi memastikan keperluan standard dan kriteria penilaian antara pihak MQA dan badan profesional dapat diselaraskan. Ia juga dapat memastikan program yang diakredit mendapat pengiktirafan oleh badan profesional. Melalui penubuhan JTC, proses kerja akan menjadi sistematik, seragam dan dapat memenuhi piagam pelanggan yang ditetapkan untuk proses Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.

## 4 MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN

Melalui peruntukan Akta MQA, PPT bertanggungjawab untuk mematuhi dasar-dasar berkaitan jaminan kualiti dan standard program dalam memastikan program yang ditawarkan mencapai kualiti yang ditetapkan. Dalam pada yang sama, PPT perlu mematuhi tatacara proses akreditasi dan pengendalian Sijil Perakuan Akreditasi. Ketidakpatuhan pada tatacara ini boleh membawa kepada pelanggaran Akta MQA.

Menyedari akan keperluan ini, MQA telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Unit Integriti dan Penguatkuasaan bagi memantau salah laku PPT dan juga memupuk semangat integriti dalam kalangan pegawai MQA. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu penyediaan infrastruktur dan pelaksanaan penguatkuasaan. Dari segi penyediaan infrastruktur, MQA telah membangunkan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi aktiviti penguatkuasaan Akta MQA iaitu SOP Penguatkuasaan dan Pendakwaan dan SOP bagi urusan Pembatalan Akreditasi. Selain itu, pegawai penyiasat juga diberi latihan kemahiran penyiasatan bagi meningkatkan kualiti penyiasatan. Dari segi pelaksanaan penguatkuasaan pelbagai aktiviti dirancang termasuklah meneruskan penguatkuasaan aduan-aduan pelanggaran Akta MQA, pelaksanaan bertema iaitu Ops Pamer dan mengoptimumkan kontribusi masyarakat dalam penguatkuasaan akta MQA melalui pendekatan *'community based enforcement'*.

# OS.5 MENINGKATKAN PENGGUNAAN ICT

## INISIATIF

### 1 MENINGKATKAN KEBERKESANAN PROSES KERJA MELALUI PEMBANGUNAN SISTEM ATAS TALIAN

Sistem penyampaian yang cepat dan teratur dapat ditawarkan kepada pihak yang berkepentingan melalui aplikasi sistem atas talian. Kaedah permohonan untuk penilaian program dapat dipermudahkan melalui sistem atas talian yang menyokong kepada penyimpanan rekod secara digital dan pengurangan keperluan penstoran dokumen fizikal. Dengan pelaksanaan sistem ini, kebolehpercayaan dan konsistensi proses akreditasi dapat ditingkatkan.

### 2 MEMPELBAGAIKAN SALURAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN MAKLUMAT

MQA sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan menyalurkan maklumat dan perkembangan terkini MQA kepada pihak berkepentingan. Antara usaha MQA adalah dengan mempelbagaikan saluran perkhidmatan dan maklumat melalui penggunaan teknologi terkini.

Melalui inisiatif ini, saluran utama penyampaian maklumat MQA adalah dengan pembangunan portal MQA yang interaktif. Selain itu, bagi memudahkan dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan dan maklumat, MQA mempelbagaikan kaedah urusan dan akses melalui aplikasi atas talian antaranya myMQR, perbankan elektronik *e-claim*, *e-resit* dan lain-lain.

### 3 MEMANTAPKAN INFOSTRUKTUR DAN INFRASTRUKTUR ICT

Untuk mengukuhkan penggunaan ICT sebagai tulang belakang kepada sistem penyampaian, infostruktur dan infrastruktur perlu diperkukuhkan. Laluan jalur lebar yang diperluas, peningkatan ruang storan dan pengurusan jaringan (*network management*) yang berkesan akan menghasilkan kemudahan ICT yang dipercayai (*trustworthy*). Di samping itu, faktor keselamatan ICT perlu dimantapkan bagi memastikan MQA sentiasa berupaya memberikan perkhidmatan dalam pelbagai keadaan luar jangka.

# OS.6

# MEMPERKUKUHKAN KOMPETENSI, PROFESIONALISME DAN INTEGRITI SUMBER MANUSIA

## INISIATIF

### 1 MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN WARGA MQA

Pembangunan kompetensi pegawai adalah aspek yang penting bagi memastikan MQA dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Satu kajian menyeluruh perlu dilaksanakan dengan mengambil kira faktor usia, tahap kesihatan dan bidang tugas/ kerja warga bagi memastikan program pembangunan kompetensi tersebut dilaksanakan secara terancang dan efektif serta selaras dengan Dasar Latihan MQA.

### 2 MEMPERKUKUH TADBIR URUS DAN INTEGRITI

Usaha ke arah menjadi organisasi yang dinamik perlu diselarikan dengan kaedah kawalan yang bersesuaian supaya perjalanan tidak tersasar dan seiring dengan ciri-ciri terbaik. Kaedah kawalan merangkumi kawalan dalam tadbir urus dan bakat organisasi. Pensijilan mematuhi sistem kualiti dan audit dalaman membuktikan pelaksanaan proses di MQA adalah konsisten, patuh peraturan dan memenuhi piawaian kualiti. Integriti terus diberi keutamaan memandangkan integriti merupakan inti pati kepada kebolehpercayaan pelanggan kepada organisasi.

# OS.7

## MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR YANG KONDUSIF

### INISIATIF

1 **MENGERATKAN SEMANGAT *ESPRIT DE CORP* (*SOFT*)**

Selain tumpuan kepada kecukupan keperluan fizikal, perkara bukan fizikal warga MQA turut diberi perhatian. Ikatan (*bonding*) yang tahan ujian dalam kalangan pegawai akan mewujudkan persefahaman dan kerjasama sesama mereka tanpa mengira pangkat dan bahagian. Penglibatan pegawai dalam aktiviti luar tugas membantu mengurangkan konflik dan tekanan yang tidak perlu dan membawa kepada keadaan bekerja dengan gembira. Suasana positif di tempat kerja akan memberikan impak ke arah kelancaran tugas setiap pegawai. Sehubungan itu, melalui penganjuran dan penyertaan beberapa aktiviti yang dirancang akan membantu peningkatan tahap motivasi pekerja di MQA ke arah melahirkan warga kerja yang mempunyai daya tahan yang tinggi bagi menghadapi semua cabaran mendatang.

2 **MENYEDIAKAN RUANG KERJA DAN KEMUDAHAN YANG KONDUSIF (*HARD*)**

Ruang kerja dengan susun atur dan keluasan yang bersesuaian menyumbang kepada keseronokan bekerja. Penyediaan kemudahan yang kondusif akan memudahkan pegawai melaksanakan tugas masing-masing dengan lebih efisien, produktif, gembira dan selesa. Keadaan seperti ini diharapkan menjadi antara faktor pemacu kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan yang lancar dan berkesan.

# OS.8

# MEMPERKUKUH KEMAMPUAN KEWANGAN

## INISIATIF

### 1 MEMPELBAGAIKAN PUNCA PENDAPATAN

Berdasarkan kepada ekonomi global yang turut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia, maka kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi peruntukan kepada agensi kerajaan dengan menggalakkan penjanaan pendapatan sendiri. Selaras dengan itu, MQA perlu mempelbagaikan punca pendapatan supaya aliran dana berterusan tidak mudah dipengaruhi secara mutlak oleh faktor sosial, ekonomi dan persekitaran. Antara usaha yang diambil oleh MQA dalam menjana pendapatan adalah melalui pelaburan, penyewaan bangunan dan peningkatan fi perkhidmatan.

### 2 MELAKSANAKAN PENJIMATAN

Usaha penjimatan dilaksanakan secara berterusan, bertujuan agar sumber dioptimumkan tanpa pembaziran. Dengan pelaksanaan penjimatan ke atas sumber-sumber sedia ada yang terhad dan menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan, dapat memperkasa dan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan MQA.

# TERAS STRATEGIK 3

## PENGIKTIRAFAN GLOBAL

Selaras dengan objektif penubuhan MQA iaitu untuk memperluaskan pengiktirafan global, maka dokumen perancangan strategik ini telah meletakkan pengiktirafan global sebagai salah satu teras strategik utama. Dalam usaha mencapai hasrat ini, MQA telah mengenal pasti objektif strategik seperti berikut:

1. Menjadi Pusat Rujukan Jaminan Kualiti di Peringkat Antarabangsa; dan
2. Merealisasikan Kelestarian MQA di Peringkat Antarabangsa.

Melalui objektif strategik yang telah dikenal pasti, MQA melaksanakan inisiatif seperti penandaarasan dengan sistem dan badan jaminan kualiti antarabangsa serta meluaskan skop akreditasi ke luar negara. Selain itu, MQA juga aktif mengganggotai jaringan kerjasama antarabangsa, penganjuran seminar antarabangsa dan terlibat dalam mempromosi Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi berkualiti.

| OBJEKTIF STRATEGIK | INISIATIF |
|---|---|
| OS.9 Menjadi Pusat Rujukan Jaminan Kualiti di Peringkat Antarabangsa | 1. Menanda aras kerangka kelayakan dan sistem jaminan kualiti MQA dengan badan jaminan kualiti dari negara pengeksport utama pendidikan tinggi |
| | 2. Menanda aras dengan kerangka kelayakan serantau dan antarabangsa |
| | 3. Menanda aras sistem jaminan kualiti MQA dengan standard dan garis panduan amalan baik antarabangsa |
| | 4. Mendapat Pensijilan Antarabangsa |
| | 5. Menjadi Pusat Rujukan Jaminan Kualiti |
| OS.10 Merealisasikan Kelestarian MQA di Peringkat Antarabangsa | 1. Menganggotai jaringan jaminan kualiti antarabangsa |
| | 2. Menganggotai jawatankuasa dan menyumbang kepakaran dalam pelbagai inisiatif antarabangsa dalam pendidikan tinggi dan jaminan kualiti |
| | 3. Menganjurkan seminar antarabangsa tahunan MQA |
| | 4. Mempromosi Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi berkualiti |
| | 5. Meluaskan skop akreditasi ke luar negara |

# OS.9

# MENJADI PUSAT RUJUKAN JAMINAN KUALITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

## INISIATIF

### 1 MENANDA ARAS KERANGKA KELAYAKAN DAN SISTEM JAMINAN KUALITI MQA DENGAN BADAN JAMINAN KUALITI DARI NEGARA PENGEKSPORT UTAMA PENDIDIKAN TINGGI

Selaras dengan visi MQA untuk menjadi sebuah autoriti global dalam bidang jaminan kualiti pendidikan tinggi, MQA telah melaksanakan penandaarasan MQF dengan badan-badan jaminan kualiti luar negara iaitu *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan* (HEEACT), Taiwan, *New Zealand Qualifications Authority* (NZQA), New Zealand, *National Institution for Academic Degrees and Quality Enhancement of Higher Education* (NIAD-QE) dari Jepun dan *South African Qualifications Authority* (SAQA), South Africa. Bagi memperkukuhkan lagi keyakinan pihak berkepentingan terhadap sistem jaminan kualiti, MQA juga merancang untuk menjalankan penandaarasan dengan *Quality and Qualifications Ireland* (QQI), Ireland dan *Bahrain Quality Authority* (BQA), Bahrain di masa akan datang. Penandaarasan ini bertujuan mengukuhkan kedudukan MQA di peringkat antarabangsa dan meningkatkan jenama pendidikan tinggi negara.

### 2 MENANDA ARAS DENGAN KERANGKA KELAYAKAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Selaras dengan Lonjakan 8: Keunggulan Global, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang menjadikan sebagai Malaysia hab pendidikan bertaraf global dengan keistimewaan tersendiri, maka MQA akan melaksanakan penandaarasan MQF dengan kerangka kelayakan *ASEAN Qualifications Reference Framework* (AQRF) dan *ASEAN Quality Assurance Framework* (AQAF). Proses penandaarasan ini akan menjadikan urusan jaminan kualiti dan kelayakan pendidikan tinggi negara-negara ASEAN lebih telus dan berkualiti. Selain itu, MQA juga merancang untuk menanda aras MQF dengan kerangka kelayakan antarabangsa iaitu *European Qualifications Framework* (EQF) bagi meningkatkan lagi penerimaan dan mobiliti kelayakan negara pada peringkat antarabangsa.

## 3 MENANDA ARAS SISTEM JAMINAN KUALITI MQA DENGAN STANDARD DAN GARIS PANDUAN AMALAN BAIK ANTARABANGSA

Bagi memastikan pendidikan tinggi negara dijamin kualitinya, MQA juga merancang untuk melaksanakan *self-alignment audit* terhadap *European Standards and Guidelines for Quality Assurance in the European Higher Education Area* (ESG). Melalui proses ini, MQA akan diaudit oleh pihak *European Association for Quality Assurance in Higher Education* (ENQA), di mana hasil dapatan *self-alignment audit* ini adalah diharap dapat memperkasakan kredibiliti MQA di mata dunia.

## 4 MENDAPAT PENSIJILAN ANTARABANGSA

Keyakinan pihak berkepentingan terhadap sistem jaminan kualiti MQA ditingkatkan dengan kejayaan memperoleh pensijilan dari *International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education* (INQAAHE).

MQA telah mengorak langkah proaktif dengan menanda aras sistem jaminan kualitinya dengan standard dan garis panduan amalan baik antarabangsa, iaitu *Guidelines to Good Practice* (GGP) INQAAHE.

INQAAHE merupakan jaringan antarabangsa yang tersohor dan mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam arena jaminan kualiti pendidikan tinggi. Dengan pengiktirafan yang diterima daripada INQAAHE tersebut, maka terbukti bahawa MQA mempunyai sistem jaminan kualiti yang bertaraf antarabangsa.

## 5 MENJADI PUSAT RUJUKAN JAMINAN KUALITI

Pengalaman MQA dalam melaksanakan MQF dan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi telah menjadikan MQA sebagai pusat rujukan oleh badan jaminan kualiti negara luar khususnya oleh negara-negara yang sedang membangunkan kerangka kelayakan atau negara yang sedang berada pada fasa awal pelaksanaan sistem jaminan kualiti negara masing-masing. MQA sering menerima delegasi dari negara luar yang ingin belajar daripada pengalaman MQA. MQA juga berkongsi kepakaran dengan negara yang berminat melalui program-program seperti pertukaran staf, *internship* dan perkhidmatan konsultansi. Melalui usaha ini, MQA bukan sahaja dapat membantu negara-negara berkenaan membangunkan sistem jaminan kualiti, pada masa yang sama mengukuhkan peranan MQA pada peringkat antarabangsa.

# OS.10

## MEREALISASIKAN KELESTARIAN MQA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

### INISIATIF

1 **MENGANGGOTAI JARINGAN JAMINAN KUALITI ANTARABANGSA**

MQA aktif dalam menganggotai pelbagai jaringan jaminan kualiti di peringkat antarabangsa di samping memegang beberapa jawatan penting dalam jaringan tersebut. Dengan peranan yang dimainkan oleh MQA di peringkat antarabangsa, keyakinan pihak-pihak berkepentingan terhadap sistem jaminan kualiti yang diamalkan oleh MQA dapat diperkukuhkan. Perincian keanggotaan dan peranan MQA di dalam jaringan yang disertai adalah seperti berikut:

| JARINGAN | FUNGSI |
|---|---|
| *ASEAN Quality Assurance Network* (AQAN) | ∑ Setiausaha AQAN<br>∑ Sekretariat Tetap AQAN |
| *Association of Quality Assurance Agencies of Islamic World* (IQA) | ∑ Ahli Lembaga Eksekutif IQA<br>∑ Penasihat Khas |
| *Asia-Pacific Quality Network* (APQN) | ∑ Ahli Lembaga |
| *International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education* (INQAAHE) | ∑ Ahli Penuh |
| ASEAN *Young Quality Assurance Officers Network* (AYQON) | ∑ Presiden |
| *ASEAN Quality Assurance Framework* (AQAF) | ∑ Pengerusi *Task Force* |
| *ASEAN Qualifications Reference Framework* (AQRF) | ∑ Ahli Jawatankuasa Pembangunan AQRF Peringkat ASEAN<br>∑ Pengerusi dan Sekretariat bagi *Malaysian National AQRF Committee* (MyAQRF)<br>∑ Pusat Rujukan AQRF di Malaysia |
| *DIES ASEAN-QA Training Workshop* | ∑ Pakar Rujuk |
| *EU-SHARE Projects* | ∑ Pakar Rujuk |
| *UNESCO Quality Assurance of TVET Qualifications in Asia-Pacific* | ∑ Ahli Kumpulan Kerja |
| *Asia-Europe Meeting* (ASEM) | ∑ Ahli Kumpulan Kerja *ASEM Recognition Bridging Declaration*<br>∑ Ahli Kumpulan Kerja *ASEM Interregional Credit Transfer Mechanism and Learning Outcome Systems* |

## 2 MENYUMBANG KEPAKARAN DALAM PELBAGAI INISIATIF ANTARABANGSA DALAM PENDIDIKAN TINGGI DAN JAMINAN KUALITI

Sebagai sebuah organisasi yang amat signifikan dalam bidang jaminan kualiti pengajian tinggi di Malaysia, kepakaran MQA dalam menjamin kualiti pengajian tinggi diperakui dan menjadi rujukan pelbagai pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa, terutamanya di rantau ASEAN.

Dalam pada itu, MQA juga aktif dalam projek dan program latihan antarabangsa sebagai Pengerusi *Task Force* pembangunan *ASEAN Quality Assurance Framework*, ahli jawatankuasa pembangunan *ASEAN Qualifications Reference Framework*, pakar rujuk dalam program *DIES ASEAN-QA Training Workshop* anjuran bersama AQAN dan rakan-rakan rangkaian jaminan kualiti ASEAN dan Eropah serta jurulatih dalam *MQA Training Workshop for Xiamen University*, China.

## 3 MENGANJURKAN SEMINAR ANTARABANGSA TAHUNAN MQA

Penganjuran seminar antarabangsa tahunan merupakan platform untuk meningkatkan keterlihatan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap sistem jaminan kualiti negara dan pendidikan tinggi Malaysia. Penganjuran seminar adalah satu usaha dalam mempromosikan pendidikan tinggi negara dan sistem jaminan kualiti di peringkat antarabangsa. Penganjuran seminar ini juga merupakan satu platform perkongsian kepakaran dan amalan baik jaminan kualiti serta dasar-dasar terkini di antara agensi-agensi jaminan kualiti dan jaringan-jaringan antarabangsa yang berkaitan.

Selain dapat memastikan amalan jaminan kualiti yang dijalankan oleh MQA adalah setanding dan setaraf amalan jaminan kualiti di peringkat antarabangsa, penganjuran seminar antarabangsa tahunan ini juga akan meningkatkan kredibiliti, reputasi, keterlihatan pendidikan tinggi Malaysia dan sistem jaminan kualiti MQA di peringkat global serta mengeratkan lagi kerjasama sedia ada di antara MQA dengan agensi-agensi jaminan kualiti antarabangsa.

## 4 MEMPROMOSI MALAYSIA SEBAGAI HUB PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI

Pendidikan tinggi hari ini telah melalui proses transformasi yang kompleks dalam menghadapi perkembangan ekonomi global. Kepakaran MQA dalam pembinaan kerangka kelayakan dan menjamin kualiti pengajian tinggi turut diperakui dan menjadi rujukan oleh pelbagai pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa, terutamanya di rantau ASEAN. Sehubungan itu, MQA menjalinkan kerjasama strategik dengan badan jaminan kualiti negara-negara pengimport pendidikan tinggi melalui perkongsian kapasiti dengan

agensi jaminan kualiti luar negara. Program pertukaran pegawai dan program *internship* kepada agensi-agensi jaminan kualiti luar negara turut diadakan dari semasa ke semasa untuk mengetahui dan mendalami proses-proses dan amalan baik yang dijalankan oleh agensi-agensi jaminan kualiti luar negara.

Di samping itu, MQA juga menerima banyak kunjungan dari agensi-agensi luar negara. Sesi-sesi pertemuan tersebut dimanfaatkan dengan perkongsian dan pertukaran maklumat mengenai amalan baik sistem jaminan kualiti, kerangka kelayakan kebangsaan serta hal ehwal pendidikan tinggi.

Status akreditasi MQA merupakan antara faktor utama yang diberi perhatian oleh pelajar antarabangsa dalam menentukan pilihan mereka untuk mengikuti pengajian tinggi di negara ini. Justeru, MQA giat mempromosikan portal semakan MQR agar ia menjadi sumber rujukan utama terutamanya kepada pelajar antarabangsa yang berminat untuk menyambung pelajaran di Malaysia.

## 5 MELUASKAN SKOP AKREDITASI KE LUAR NEGARA

Selaras dengan pengambilalihan peranan Jawatankuasa Tetap Penilaian Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dahulunya dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MQA kini merupakan badan pengiktirafan kelayakan dengan perluasan skop mengakreditasikan program institusi luar negara. Selain dari mengguna pakai proses akreditasi sedia ada, beberapa kaedah lain akan turut digunakan termasuk melalui *comparability exercise, statement of confidence* dan perjanjian persefahaman. Perluasan skop ini dijangka akan menyaksikan penyenaraian program luar negara dalam MQR.

05

# PELAN TINDAKAN

# TERAS STRATEGIK 1
## EKOSISTEM YANG KONDUSIF

OS.1

### OBJEKTIF STRATEGIK 1
### MEMPERKASAKAN SISTEM JAMINAN KUALITI KEBANGSAAN BERTERASKAN KAJIAN SEMULA MQF

**INISIATIF 1: MEMPERKASAKAN MQF**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kajian Semula MQF | Pembangunan dokumen MQF 2.0. | • Pelaksanaan MQF 2.0. |
| 2. | Pelaksanaan MQS Sebagai Salah Satu Dokumen Graduasi | Promosi MQS kepada PPT melalui program Hari Mesra Pelanggan (HMP). | • Kepelbagaian promosi melalui HMP, laman web, media sosial dan program *outreach*.<br>• Penguatkuasaan dan pematuhan MQS. |

**INISIATIF 2: MENGHARMONIKAN SISTEM JAMINAN KUALITI**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET | Kajian dan pembangunan Standard TVET dan proses Jaminan Kualiti Tunggal TVET. | • Penguatkuasaan dan pelaksanaan Standard TVET dan proses jaminan kualiti tunggal TVET.<br>• Pendaftaran program TVET yang diakredit MQA dan JPK di dalam MQR.<br>• Pemantauan Standard TVET dan proses jaminan kualiti tunggal TVET. |

**INISIATIF 3: MENAMBAH BAIK DAN MEMBANGUNKAN STANDARD PROGRAM**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kajian Semula dan Penjajaran Standard Program Dengan MQF 2.0 dan Standard TVET | - | • Pelaksanaan penjajaran. |
| 2. | Pembangunan Kurikulum Kebangsaan | Pembangunan dan pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan: *Foundation*. | - |
| 3. | Pembangunan Standard Baru | Pembangunan standard. | • Pembangunan standard. |

OS.1

## OBJEKTIF STRATEGIK 1
## MEMPERKASAKAN SISTEM JAMINAN KUALITI KEBANGSAAN BERTERASKAN KAJIAN SEMULA MQF

### INISIATIF 4: MEMPERKASAKAN SISTEM JAMINAN KUALITI DALAMAN PPT

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pensijilan Pegawai *Internal Quality Assurance* (IQA) PPT | • Kajian keperluan dan pembangunan modul. | • Pelaksanaan program.<br>• Penilaian keberkesanan program. |
| 2. | Program Pembangunan Jaminan Kualiti PPT | • Pengendalian program pembangunan jaminan kualiti PPT seperti Outcome-Based Education (OBE), Standard Program, Garis Panduan Amalan Baik dan penyediaan dokumen MQA. | |

### INISIATIF 5: MELAKSANAKAN JAMINAN KUALITI BERASASKAN PRESTASI (*PERFORMANCE-BASED QA*)

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pembangunan Pelaksanaan Jaminan Kualiti Berasaskan Prestasi | • Kajian awal dan pembangunan pelaksanaan Jaminan Kualiti Berasaskan Prestasi.<br>• Pemakluman kepada pihak berkepentingan. | • Penguatkuasaan dan pelaksanaan Proses Jaminan Kualiti Berasaskan Prestasi |
| 2. | Sistem Penggredan Akreditasi Penuh Program dan Institusi | • Pembangunan dan pengharmonian sistem penggredan program menggunakan Instrumen Penilaian COPPA Edisi Ke-2. | • Pelaksanaan ujian rintis sistem penggredan.<br>• Pelaksanaan sistem penggredan program dan institusi. |

### INISIATIF 6: MENERAJUI PENYELIDIKAN DALAM JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI

| | PROGRAM | 2016-2017 | 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kajian Berkala Berkenaan Pendidikan Tinggi dan Jaminan Kualiti | • Kajian Prestasi Calon APEL dan Penerimaan PPT.<br>• Kajian Impak Standard Program.<br>• Kajian Peranan Pemeriksa Luar di PPT.<br>• Kajian Pelaksanaan Program DBA oleh PPT di Malaysia. | • Kajian prestasi calon APEL dan penerimaan PPT.<br>• Kajian Impak Standard Program.<br>• Kajian Keberkesanan *Industry Engagement Among Academics*.<br>• Kajian *Integrity Assessment*.<br>• *Survey on Student Engagement (Focus on learning process).*<br>• Kajian *Commercialisation, Internationalisation of QA- Institution of Higher Learnings Collaboration*<br>• Kajian *Graduate Employability – Accredited Programmes*<br>• Keberkesanan Pelaksanaan Swaakreditasi |

OS.2

## OBJEKTIF STRATEGIK 2
## MEMPELBAGAIKAN SISTEM PENDIDIKAN FLEKSIBEL

### INISIATIF 1: MEMPERKASAKAN PROSES PENGIKTIRAFAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN TERDAHULU

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | APEL(A) | • Promosi kemasukan menerusi APEL(A).<br>• Penambahan Pusat Penilaian APEL (PPA).<br>• Penambahan bilangan penilai APEL untuk PPA.<br>• Kajian awal pelaksanaan APEL T-8. | • Penambahan PPA.<br>• Penambahan bilangan penilai APEL untuk PPA.<br>• Kajian Prestasi Pelajar T-7.<br>• Pembinaan Dasar Pelaksanaan APEL T-8.<br>• Pembinaan Instrumen Penilaian APEL T-8. |
| 2. | APEL(C) | • Pembangunan Garis Panduan Amalan Baik: APEL(C).<br>• Pelaksanaan *survey* pemakaian Garis Panduan: APEL(C).<br>• Pelaksanaan permohonan APEL(C) oleh PPT. | • Pelaksanaan audit APEL(C) di PPT.<br>• Kajian Keberkesanan dan penambahbaikan Garis Panduan: APEL(C).<br>• Permohonan pembaharuan APEL(C). |
| 3. | APEL(Q) | - | • Kajian awal pelaksanaan. |

### INISIATIF 2: MENYEDIAKAN PLATFORM PENDIDIKAN FLEKSIBEL

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penerbitan Panduan Pendidikan Fleksibel | • *Advisory Note* Pendidikan Fleksibel dalam Penawaran Program.<br>• Kajian Sistem Pindah Kredit. | - |
| 2. | Garis Panduan Pindah Kredit MOOC | • Pembangunan dokumen Garis Panduan Pindah Kredit MOOC.<br>• Pelaksanaan *survey* pemakaian Garis Panduan Pindah Kredit MOOC. | • Pelaksanaan audit Pindah Kredit MOOC di PPT.<br>• Kajian Keberkesanan dan penambahbaikan Garis Panduan Pindah Kredit MOOC. |
| 3. | Kelayakan Nano dan Bank Kredit | - | • Kajian awal dan pembangunan dasar Kelayakan Nano dan Bank Kredit.<br>• Pelaksanaan Kelayakan Nano dan Bank Kredit. |

OS.3

## OBJEKTIF STRATEGIK 3
## MENINGKATKAN KUALITI, PROFESIONALISME DAN INTEGRITI PANEL PENILAI MQA

### INISIATIF 1: MENAMBAH BAIK URUSAN LANTIKAN, TUGASAN DAN PRESTASI AHLI PANEL PENILAI (APP) MQA DENGAN LEBIH EFISYEN

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pemeringkatan APP MQA | • Pelaksanaan polisi dan pembangunan Garis Panduan Penilaian Prestasi APP MQA.<br>• Pelaksanaan pemeringkatan APP. | • Pelaksanaan pemeringkatan APP. |

### INISIATIF 2: MEMPERKUKUH PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN APP MQA

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Program Pembangunan Kompetensi APP | • Kajian awal pembangunan modul. | • Pembangunan dan pelaksanaan modul.<br>• Penilaian keberkesanan program. |

### INISIATIF 3: MENINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP INTEGRITI DALAM KALANGAN AHLI PANEL PENILAI

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Melaksanakan Kod Etika APP | • Meningkatkan kesedaran APP terhadap kepentingan mematuhi Kod Etika APP MQA. | • Pelaksanaan semakan semula Kod Etika APP.<br>• Pematuhan Kod Etika APP. |
| 2. | Program Pembudayaan Nilai-Nilai Integriti di Kalangan APP | • Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah bagi APP MQA. | • Pelaksanaan 3 Program berteraskan integriti. |

# TERAS STRATEGIK 2

## PENYAMPAIAN EFEKTIF

OS.4

### OBJEKTIF STRATEGIK 4
### MENAMBAH BAIK PROSES AKREDITASI DAN AUDIT

**INISIATIF 1: MEREKAYASA PROSES AKREDITASI & AUDIT**

<table>
<tr><th colspan="2">PROGRAM</th><th>TAHUN 2016-2017</th><th>TAHUN 2018-2020</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Permohonan Akreditasi Sementara Secara Berkala</td><td>• Pelaksanaan rintis 1 dan 2.</td><td>• Pelaksanaan Permohonan Akreditasi Sementara Secara Berkala.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pemantauan Syarat-Syarat Akreditasi Sementara dan Akreditasi</td><td colspan="2">• Pelaksanaan pemantauan syarat-syarat akreditasi sementara dan akreditasi.</td></tr>
</table>

**INISIATIF 2: MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN AUDIT INSTITUSI, AUDIT TEMA DAN PENILAIAN PEMATUHAN**

<table>
<tr><th colspan="2">PROGRAM</th><th>TAHUN 2016-2017</th><th>TAHUN 2018-2020</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Penilaian Pematuhan Akreditasi Program</td><td colspan="2">• Pelaksanaan penilaian pematuhan akreditasi program.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Audit Swaakreditasi</td><td>• Pelaksanaan Audit Swaakreditasi.</td><td>• Pelaksanaan Audit Swaakreditasi.<br>• Pelaksanaan Audit Susulan.<br>• Pelaksanaan Audit Pengekalan.</td></tr>
</table>

**INISIATIF 3: MENAMBAH BAIK KELANCARAN PENILAIAN PROGRAM-PROGRAM PROFESIONAL**

<table>
<tr><th colspan="2">PROGRAM</th><th>TAHUN 2016-2017</th><th>TAHUN 2018-2020</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kerjasama dengan Badan Profesional</td><td>• Penubuhan JTC baru.<br>• Mengadakan Roundtable Meeting dengan badan profesional.</td><td>• Penubuhan JTC baru.<br>• Mengadakan Roundtable Meeting dengan badan profesional.</td></tr>
</table>

OS.4

**OBJEKTIF STRATEGIK 4**
**MENAMBAH BAIK PROSES AKREDITASI DAN AUDIT**

**INISIATIF 4: MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | *Standard Operating Precedure* (SOP) Penguatkuasaan dan Pendakwaan | • Pembangunan dan pelaksanaan SOP penguatkuasaan dan pendakwaan. | • Pelaksanaan SOP penguatkuasaan dan pendakwaan.<br>• Kajian semula SOP penguatkuasaan dan pendakwaan. |
| 2. | SOP Pembatalan Akreditasi | • Pembangunan dan pelaksanaan SOP Pembatalan Akreditasi. | • Pelaksanaan SOP Pembatalan Akreditasi.<br>• Kajian semula SOP Pembatalan Akreditasi. |
| 3. | Kajian Semula Akta MQA | • Pengenalpastian peruntukan (seksyen) dan peraturan dalam Akta yang boleh dipinda, dikekalkan tanpa pindaan atau belum dilaksanakan.<br>• Siri perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan.<br>• Sesi konsultansi bersama MPC. | • Siri perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan.<br>• Pembentangan RUU Akta MQA (Pindaan) di Parlimen.<br>• Pewartaan dan pelaksanaan Akta MQA (pindaan). |
| 4. | Penguatkuasaan mempamerkan Sijil Perakuan Akreditasi | • Pelaksanaan Operasi Ops Pamer Sijil Perakuan Akreditasi. | • Pelaksanaan Operasi Ops Pamer Sijil Perakuan Akreditasi. |

OS.5

## OBJEKTIF STRATEGIK 5
## MENINGKATKAN PENGGUNAAN ICT

### INISIATIF 1: MENINGKATKAN KEBERKESANAN PROSES KERJA MELALUI PEMBANGUNAN SISTEM ATAS TALIAN

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penambahbaikan sistem e-Akreditasi | • Pembangunan dan pelaksanaan modul Pra Pendaftaran dan sistem e-Akreditasi. | • Pelaksanaan modul dan sistem e-Akreditasi. |

### INISIATIF 2: MEMPELBAGAI SALURAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN MAKLUMAT

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Portal MQA Versi 3 | • Pembangunan Portal MQA Versi 3. | • Pelaksanaan Portal MQA Versi 3.<br>• Pembangunan Portal MQA Versi 4. |
| 2. | Kepelbagaian Kaedah Perbankan Elektronik | • Pelaksanaan perbankan elektronik. | • Pelaksanaan perbankan elektronik. |
| 3. | Penambahbaikan Aplikasi Mobile MQR (myMQR) | • Pembangunan dan pelaksanaan aplikasi myMQR. | • Pelaksanaan aplikasi myMQR.<br>• Pembangunan aplikasi myMQR versi 2. |
| 4. | *E-claim* | • Kajian awal pembangunan *e-claim*. | • Pembangunan dan pelaksanaan *e-claim*. |
| 5. | *E-resit* | • Kajian awal pembangunan *e-resit*. | • Pembangunan dan pelaksanaan *e-resit*. |
| 6. | Sistem Khidmat Pelanggan | • Kajian *Benchmarking* Sistem Khidmat Pelanggan. | • Pembangunan dan pelaksanaan Sistem Khidmat Pelanggan. |
| 7. | Pengurusan Pengetahuan (*Knowledge Management*) MQA | • Kajian rintis Kaedah Pengurusan Pengetahuan. | • Pembangunan Sistem Aplikasi Pengurusan Rekod.<br>• Melaksanakan Pengurusan Pengetahuan. |

OS.5

## OBJEKTIF STRATEGIK 5
## MENINGKATKAN PENGGUNAAN ICT

### INISIATIF 3: MEMANTAPKAN INFOSTRUKTUR DAN INFRASTRUKTUR ICT

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Peningkatan Keupayaan Talian Internet | • Peningkatan dan pengekalan keupayaan talian Internet 100MB (MyREN). | • Peningkatan dan pengekalan keupayaan talian Internet 200MB (MyREN). |
| 2. | Implementasi *Secure Socket Layer* (SSL) | • Kajian dan pelaksanaan SSL. | • Pelaksanaan SSL. |
| 3. | Pewujudan *Disaster Recovery Center* (DRC) | • Kajian dan pelaksanaan DRC bagi MQA dan data kewangan MQA (SAGA). | • Pelaksanaan DRC bagi MQA dan data kewangan MQA (SAGA). |
| 4. | Peningkatan Ruang Storan Data Melalui Penggunaan *Storage Area Network* (SAN) | • Kajian dan peningkatan ruangan storan. | • Peningkatan ruangan storan.<br>• Pelaksanaan ruang storan data melalui penggunaan SAN. |
| 5. | Perkongsian Ruangan Storan Melalui *Cloud Technology* | • Kajian keperluan ruangan storan melalui *Cloud Technology*. | • Pelaksanaan *Cloud Technology.* |
| 6. | Kemudahan wifi di Mercu MQA | • Penyediaan kemudahan dan pelaksanaan. | • Pelaksanaan. |

## OS.6 OBJEKTIF STRATEGIK 6
## MEMPERKUKUHKAN KOMPETENSI, PROFESIONALISME DAN INTEGRITI SUMBER MANUSIA

### INISIATIF 1: MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN WARGA MQA

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelan Induk Latihan | • Kajian / semakan kerangka dan dokumen sedia ada berkaitan pengurusan latihan MQA. | • Pembangunan pelan.<br>• Pelaksanaan Pelan Induk Latihan. |
| 2. | Kehadiran 5 Hari Berkursus | • Pelaksanaan kehadiran 5 hari berkursus generik dan fungsional. | |

### INISIATIF 2: MEMPERKUKUH TADBIR URUS DAN INTEGRITI

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pensijilan Standard MS ISO 9001:2015 | • Audit Pensijilan standard MS ISO 9001:2015. | • Pematuhan dan pengekalan standard MS ISO 9001:2015. |
| 2. | Pensijilan standard ISO 37001 | • Penyertaan Dalam Projek Perintis dan Penyediaan dokumen. | • Persijilan. |
| 3. | Pelan Penggantian Jawatan Strategik MQA | • Pembinaan Pelan Penggantian Jawatan Strategik MQA.<br>• Identifikasi dan profiling calon pemimpin. | • Pemantapan sahsiah diri. |
| 4. | Program Integriti | • Pelaksanaan program integriti. | |
| 5. | Audit Pengurusan Risiko (*Risk Management Audit*, RMA) dan Audit Mengejut (*Spot Audit*) | • Pelaksanaan audit pengurusan risiko dan audit mengejut. | |

OS.7

## OBJEKTIF STRATEGIK 7
## MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR YANG KONDUSIF

### INISIATIF 1: MENGERATKAN SEMANGAT *ESPRIT DE CORP (SOFT)*

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kajian Kepuasan Warga | • Kepuasan warga. | |

### INISIATIF 2: MENYEDIAKAN RUANG KERJA DAN KEMUDAHAN YANG KONDUSIF *(HARD)*

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kemudahan Penggunaan ICT (laptop) | • Melaksanakan kajian keberkesanan kos. | • Pelaksanaan sepenuhnya penggunaan laptop. |
| 2. | Melaksanakan Polisi Bangunan Hijau | • Penyediaan kemudahan asas di Mercu MQA. | • Penyediaan dan pelaksanaan ke arah Bangunan Hijau. |

OS.8

## OBJEKTIF STRATEGIK 8
## MEMPERKUKUH KEMAMPUAN KEWANGAN

### INISIATIF 1: MEMPELBAGAIKAN PUNCA PENDAPATAN

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Sewaan Ruang Pejabat di Mercu MQA | • Peningkatan hasil sewaan | |
| 2. | Kepelbagaian Instrumen Pelaburan Kewangan | • Tunai dan sukuk. | • Pasaran wang dan ekuiti. |
| 3. | Kenaikan Kadar Fi | - | • Pelaksanaan kadar fi baru. |
| 4. | Penjualan Dokumen Jaminan Kualiti MQA Secara Atas Talian (E-book) | • Penjualan dokumen jaminan kualiti MQA secara atas talian (*e-book*). | |

### INISIATIF 2: MELAKSANAKAN PENJIMATAN

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelantikan Hotel Panel | • Pelaksanaan pelantikan hotel panel. | - |
| 2. | Penggunaan Sumber Sedia Ada Secara Optimum | • Penjimatan perbelanjaan. | |

# TERAS STRATEGIK 3
## PENGIKTIRAFAN GLOBAL

OS.9

**OBJEKTIF STRATEGIK 9**
**MENJADI PUSAT RUJUKAN JAMINAN KUALITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

**INISIATIF 1: MENANDA ARAS KERANGKA KELAYAKAN DAN SISTEM JAMINAN KUALITI MQA DENGAN BADAN JAMINAN KUALITI DARI NEGARA PENGEKSPORT UTAMA PENDIDIKAN TINGGI**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Projek Penandaarasan | • Penandaarasan dengan NZQA, SAQA, NIAD-QE dan SAQA. | • Penandaarasan dengan badan jaminan kualiti daripada Australia, Egypt, Indonesia, Perancis dan Jordan. |

**INISIATIF 2: MENANDA ARAS DENGAN KERANGKA KELAYAKAN SERANTAU DAN ANTARABNGSA**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penandaarasan MQF dengan AQRF | • Penubuhan MyAQRF | • Penyelarasan dan penghantaran laporan ke ASEAN *Secretariat.* |
| 2. | Penandaarasan Sistem Jaminan Kualiti MQA Dengan AQAF | • Penubuhan Jawatankuasa Penandaarasan<br>• Penyediaan Dokumen Penandaarasan | - |
| 3. | Penandaarasan Kelayakan MQF Dengan Kelayakan EQF | - | • Penubuhan Jawatankuasa Penandaarasan.<br>• Penyediaan Dokumen Penandaarasan.<br>• Mesyuarat dan bengkel dengan pakar dan pihak berkepentingan. |

**INISIATIF 3: MENANDA ARAS SISTEM JAMINAN KUALITI MQA DENGAN STANDARD DAN GARIS PANDUAN AMALAN BAIK ANTARABANGSA**

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | *Self-alignment Audit European Standards and Guidelines for Quality Assurance in the European Higher Education Area* | - | • Penubuhan Jawatankuasa Penandaarasan.<br>• Penyediaan dokumen penandaarasan.<br>• Mesyuarat dan bengkel dengan pakar dan pihak berkepentingan.<br>• Lawatan verifikasi.<br>• Penerimaan laporan audit oleh pihak ESG. |

OS.9

## OBJEKTIF STRATEGIK 9
## MENJADI PUSAT RUJUKAN JAMINAN KUALITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

### INISIATIF 4: MENDAPAT PENSIJILAN ANTARABANGSA

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | *Self-Alignment Audit GGP INQAAHE* | - | • Penubuhan Jawatankuasa Penandaarasan.<br>• Penyediaan dokumen.<br>• Mesyuarat dan bengkel dengan pakar dan pihak berkepentingan.<br>• Lawatan verifikasi.<br>• Penerimaan laporan audit oleh pihak INQAAHE. |

### INISIATIF 5: MENJADI PUSAT RUJUKAN JAMINAN KUALITI

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penglibatan Negara Luar dalam Program Perkongsian Pengalaman dan Kepakaran Jaminan Kualiti | • 6 negara | • 14 negara |

OS.10

## OBJEKTIF STRATEGIK 10
## MEREALISASIKAN KELESTARIAN MQA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

### INISIATIF 1: MENGANGGOTAI JARINGAN JAMINAN KUALITI ANTARABANGSA

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Keanggotaan Jaringan Jaminan Kualiti Antarabangsa | • Setiausaha dan Sekretariat Tetap *ASEAN Quality Assurance Network* (AQAN)<br>• *President ASEAN Young Quality Assurance Officers Network* (AYQON)<br>• *Board Member Asia-Pacific Quality Network* (APQN)<br>• *Board Member dan Special Advisor, Association of Quality Assurance Agencies of the Islamic World* (IQA)<br>• *Full Member, International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education* (INQAAHE) | • Sekretariat Tetap AQAN<br>• *President* dan ahli AYQON<br>• *Board Member* dan ahli penuh APQN<br>• *Board Member, Special Advisor* dan ahli penuh, IQA<br>• *Full Member,* INQAAHE |

## OS.10 OBJEKTIF STRATEGIK 10
## MEREALISASIKAN KELESTARIAN MQA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

### INISIATIF 2: MENGANGGOTAI JAWATANKUASA DAN MENYUMBANG KEPAKARAN DALAM PELBAGAI INISIATIF ANTARABANGSA DALAM PENDIDIKAN TINGGI DAN JAMINAN KUALITI

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Keanggotaan dan sumbangan kepakaran pendidikan tinggi dan jaminan kualiti di peringkat antarabangsa | • *Drafting Committee to Prepare a Global Convention on Recognition of Higher Education Qualifications*<br>• *UNESCO Quality Assurance of TVET Qualifications in Asia-Pacific*<br>• *DIES ASEAN-QA Training Workshop*<br>• *Working Group Meeting on Improving The Quality of TVET Personal*<br>• *ASEAN Quality Assurance Network (AQAN)*<br>• *ASEM Recognition Bridging Declaration*<br>• *Working Group Meeting on Improving The Quality of TVET Personal*<br>• *EU-SHARE Projects* | • *DIES ASEAN-QA Training Workshop*<br>• *ASEM Recognition Bridging Declaration*<br>• *ASEM Interregional Credit Transfer Mechanism and Learning Outcome Systems*<br>• *EU-SHARE Projects*<br>• *ASEAN Quality Assurance Network (AQAN)* |

### INISIATIF 3: MENGANJUR SEMINAR ANTARABANGSA TAHUNAN MQA

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penganjuran Seminar Antarabangsa Bidang Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi | • MISQAHE<br>• *MQA-TEQSA Workshop* | • Penganjuran Seminar Antarabangsa MQA 2019 |

### INISIATIF 4: MEMPROMOSI MALAYSIA SEBAGAI HUB PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Badan Jaminan Kualiti Negara-Negara Pengimport Pendidikan Tinggi | • Pemeteraian MoU / MoA dengan QQI Ireland dan Timor-Leste FAA.<br>• Pertukaran Pegawai dengan QQI / HKCAAQ / QQA / TEQSA / CDGDC. | • Pemeteraian MoU / MoA dengan negara Timur Tengah, Eropah dan Asia Pasifik.<br>• Pertukaran Pegawai dengan Brunei,<br>• NIAD-QE, Japan, QAA, UK, SAQA, South Africa, QQI, Ireland, NAAC dan India. |

OS.10

## OBJEKTIF STRATEGIK 10
## MEREALISASIKAN KELESTARIAN MQA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

### INISIATIF 4: MEMPROMOSI MALAYSIA SEBAGAI HUB PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 2. | Memperkukuh visibiliti laman MQA dan MQR melalui program *outreach*, media sosial, media cetak dan elektronik | • Wawancara Radio dan TV<br>• Iklan di Media Cetak<br>• Pameran di dalam dan luar negara<br>• Promosi melalui Jom Heboh<br>• Kerjasama dengan BERNAMA<br>• Promosi Billboard | • Wawancara Radio dan TV<br>• Iklan di Media Cetak<br>• Pameran di dalam dan luar negara<br>• Promosi melalui Jom Heboh<br>• Kerjasama dengan BERNAMA<br>• Promosi Billboard<br>• Iklan di Youtube<br>• Digital Media |

### INISIATIF 5: MELUASKAN SKOP AKREDITASI MQA KE LUAR NEGARA

| | PROGRAM | TAHUN 2016-2017 | TAHUN 2018-2020 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengakreditan Program / Kelayakan Dari PPT Luar Negara | • Pembangunan prosedur dan instrumen.<br>• Pelaksanaan pengiktirafan.<br>• Pelaksanaan akreditasi dari PPT luar negara. | • Pelaksanaan akreditasi dari PPT luar negara. |

06

# SINGKATAN

| | |
|---|---|
| AACCUP | *Accrediting Agency of Chartered Colleges Universities in the Philippines* |
| ABEST21 | *The Alliance on Business Education and Scholarship for Tomorrow* |
| AIU | *Association of Indian Universities, India* |
| Akta 679 | Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 |
| APEL | *Accreditation of Prior Experiential Learning* |
| APEL(A) | *APEL for Access* |
| APEL(C) | *APEL for Credit Award* |
| APEL(Q) | *APEL for Qualification* |
| APP | Ahli Panel Penilai |
| APQN | *Asia-Pacific Quality Network* |
| AQAF | *ASEAN Quality Assurance Framework* |
| AQAN | *ASEAN Quality Assurance Network* |
| AQRF | *ASEAN Qualifications Reference Framework* |
| ASEAN | *Association of Southeast Asian Nations* |
| ASEM | *Asia-Europe Meeting* |
| AYQON | *ASEAN Young Quality Assurance Officers Network* |
| BQA | *Bahrain Quality Authority* |
| CDGDC | *China Academic Degrees and Graduate Education Development Center* |
| COPPA | *Code of Practice for Programme Accreditation* |
| DIES ASEAN-QA | *Dialogue on Innovative Higher Education Strategies ASEAN-QA* |
| ENQA | *European Association for Quality Assurance in Higher Education* |
| EQF | *European Qualifications Framework* |
| ESG | *European Standards and Guidelines for Quality Assurance in the European Higher Education Area* |
| GGP | *Guideline to Good Practices* |
| HEEACT | *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan* |
| HKCAAVQ | *Hong Kong Council for Accreditation of Academic and Vocational Qualifications* |
| INQAAHE | *International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education* |
| IQA | *Association of Quality Assurance Agencies of the Islamic World (IQA)* |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JPK | Jabatan Pembangunan Kemahiran |
| JTC | *Joint Technical Committee* |
| JTPPK | Jawatankuasa Tetap Penilaian Pengiktirafan Kelayakan |
| JUAA | *Japan University Accreditation Association* |

| | |
|---|---|
| KHDA | *Knowledge and Human Development Authority, Dubai* |
| KPT | Kementerian Pendidikan Tinggi |
| KSM | Kementerian Sumber Manusia |
| MOOC | *Massive Open Online Courses* |
| MQA | *Malaysian Qualifications Agency* |
| MQATC | *MQA Training Centre* |
| MQF | *Malaysian Qualifications Framework* |
| MQR | *Malaysian Qualifications Register* |
| MyQAN | *Malaysian Quality Assurance Network* |
| NAAC | *National Assessment and Accreditation Council, India* |
| NAAHE | *National Accreditation Agency for Higher Education, Indonesia* |
| NAPEI | *National Association of Private Higher Educational Institutions* |
| NAQAAE | *National Authority for Quality Assurance and Accreditation of Education, Egypt* |
| NIAD-QE | *National Institution for Academic Degrees and Quality Enhancement of Higher Education, Japan* |
| NQA | *Namibia Qualifications Authority* |
| NZQA | *New Zealand Qualifications Authority* |
| ONESQA | *Office for National Education Standards and Quality Assessment, Thailand* |
| PPPM (PT) 2015-2025 | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) |
| PPT | Pemberi Pendidikan Tinggi |
| PPTS | Pemberi Pendidikan Tinggi Swasta |
| QA ISLAMIC | *Association of Quality Assurance Agencies of the Islamic World* |
| QAA | *Quality Assurance Agency for Higher Education, United Kingdom* |
| QQA | *National Authority for Qualifications and Quality Assurance of Education and Training, Bahrain* |
| QQI | *Quality and Qualifications Ireland* |
| RMKe-11 | Rancangan Malaysia Kesebelas |
| SAN | *Storage Area Network* |
| SAQA | *South African Qualifications Authority* |
| SKM | Sijil Kemahiran Malaysia |
| SOP | *Standard Operating Procedure* |
| TEQSA | *Tertiary Education Quality and Standards Agency, Australia* |
| TVET | *Technical and Vocational Education and Training* |
| UNESCO | *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* |
| WBL | *Work-Based Learning* |

**DISEDIAKAN OLEH:**
Unit Perancangan Strategik
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)